

# Covid-19 percepat pendigitalan industri

Oleh **KU SYAFIQ KU FOZI**

kusyafiq.fozi@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Pandemik Covid-19 secara signifikan telah mempercepat proses pendigitalan industri insurans dan teknologi itu telah membantu industri untuk kekal terhubung dengan pelanggan, ejen serta pekerjaannya.

Malaysian Reinsurance Berhad (Malaysian Re) melalui penerbitannya, Sorotan Insurans Malaysia (MIH) 2020 mendedahkan, syarikat insurans mendapat manfaat daripada transformasi digital, khususnya dalam segmen peribadi.

Ia berikutan pengguna semakin terbiasa dengan pembelian dan menjalankan urusan melalui saluran, pelantar atau ekosistem dalam talian.

+ “Penerbitan itu turut menegaskan bahawa tindak balas pantas industri insurans kepada Covid-19 telah meningkatkan reputasi industri tersebut walaupun menerima impak penurunan permintaan untuk produk insurans khususnya motor, pelancongan dan kemalangan peribadi,” kata Malaysia RE dalam kenyataan di sini.

Menurut penerbitan tersebut, pelancongan, pembuatan dan peruncitan motor berasaskan penggunaan merupakan sektor yang paling teruk terke-



**PANDEMIK Covid-19 memberi impak kepada perkembangan industri insurans tempatan. - GAMBAR HIASAN**

san akibat pandemik Covid-19.

Laporan itu turut mendedahkan, industri getah dan e-dagang merupakan sektor yang paling mendapat manfaat daripada pandemik yang kini sudah lebih setahun menghantui dunia.

MIH 2020 dilancarkan pada 26 Februari lalu melalui acara maya yang dihadiri hampir 300 individu daripada industri insurans tempatan.

Presiden dan Ketua Pegawai

Eksekutif Malaysian Re, Zainudin Ishak berkata, Covid-19 membawa impak yang tidak berteladan kepada ekonomi Malaysia dan pasaran insuransnya.

“Kami mengambil inisiatif untuk melihat lebih mendalam implikasi pandemik ini terhadap industri insurans tempatan dan mengumpulkan data serta analisis yang relevan untuk dimanfaatkan rakan kami dalam industri,” katanya.